



KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI ASAS TANI



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

# KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN

AKTIVITI PENGANGKUTAN HAIWAN (RUMINAN)



DVS/KAKH/14/2019

# **KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI PENGANGKUTAN HAIWAN (RUMINAN)**

## **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1,  
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62630, Putrajaya, Malaysia

Tel : 603-8870 2000  
Fax : 603 888 6472  
Email : pro@dvs.gov.my

Cetakan Pertama : 2019

Penerbitan @ JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

No. ISBN :

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara lain, samaada cara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62630, Putrajaya, Malaysia.

## ISI KANDUNGAN

|      |                                                                                      |    |
|------|--------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 1.0  | PENDAHULUAN                                                                          | 1  |
| 2.0  | OBJEKTIF                                                                             | 1  |
| 3.0  | SKOP                                                                                 | 1  |
| 4.0  | DEFINISI                                                                             | 2  |
| 5.0  | KATA SINGKATAN                                                                       | 3  |
| 6.0  | TANGGUNGJAWAB PEMUNYA DAN PENGENDALI                                                 | 3  |
| 7.0  | KOMPETENSI PEMUNYA DAN PENGENDALI                                                    | 5  |
| 8.0  | PENGENDALIAN DAN PROSEDUR SEBELUM, SEMASA<br>DAN SELEPAS PEMINDAHAN TERNAKAN RUMINAN | 6  |
| 8.1  | Kemudahan tanjakan untuk pemindahan<br>ternakan ruminan                              |    |
| 8.2  | Pengendalian dan prosedur sebelum pemindahan<br>ternakan ruminan                     |    |
| 8.3  | Pengendalian dan prosedur semasa pemindahan<br>ternakan ruminan                      |    |
| 8.4  | Pengendalian dan prosedur semasa menurunkan<br>ternakan ruminan                      |    |
| 8.5  | Prosedur selepas pemindahan ternakan ruminan                                         |    |
| 9.0  | KRITERIA PENGANGKUT HAIWAN BAGI TUJUAN<br>PEMINDAHAN                                 | 9  |
| 10.0 | PENGURUSAN TERNAKAN RUMINAN YANG SAKIT, CEDERA<br>ATAU MATI SEMASA PEMINDAHAN        | 10 |
| 11.0 | RUJUKAN                                                                              | 11 |
| 12.0 | LAMPIRAN                                                                             | 12 |

## **KATA PENGANTAR**

### **KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR**

Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) telah diwartakan pada 29 Disember 2015 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 2017. Berdasarkan peruntukan Seksyen 15 Akta 772, terdapat tiga belas (13) aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan perlu dilesenkan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan.

Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) yang mengandungi piawaian serta garis panduan berkaitan kebajikan haiwan. KAKH ini berperanan menjadi rujukan kepada pemilik lesen dan juga mana-mana pihak yang berkenaan dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan haiwan yang terlibat dalam aktiviti di atas sentiasa terpelihara.

Selaras dengan agenda sosial masyarakat pada hari ini yang amat menitikberatkan isu berkaitan kebajikan haiwan, adalah diharapkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini dapat dilaksanakan semasa mengendalikan haiwan dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan seperti yang tersenarai dalam Jadual Akta 772.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Kerja, agensi kerajaan, pihak NGO dan semua individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan dokumen kod amalan ini.

**DATO' DR. QUAZA NIZAMUDDIN BIN HASSAN NIZAM**  
**Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar**  
**Jabatan Perkhidmatan Veterinar**  
**Malaysia**

## KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI PENGANGKUTAN TERNAKAN RUMINAN

### 1.0 PENDAHULUAN

Dalam menguruskan haiwan, kebajikan dan kesejahteraan haiwan hendaklah diutamakan pada setiap masa. Lima keperluan haiwan bagi memenuhi kebajikan haiwan perlu diambil kira dalam semua aspek pengendalian serta pengurusan pengangkutan ruminan adalah:

- i. Keperluan kepada persekitaran yang sesuai;
- ii. Keperluannya untuk diet yang sesuai;
- iii. Keperluannya untuk membolehkannya mempamerkan corak kelakuannya yang semula jadi;
- iv. Keperluannya untuk ditempatkan bersama dengan atau berasingan daripada haiwan lain; dan
- v. Keperluannya untuk dilindungi daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan dan penyakit.

Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) ini perlu dipatuhi oleh pemunya dan pengendali yang terlibat dengan pengangkutan ternakan ruminan.

### 2.0 OBJEKTIF

Objektif utama KAKH ini ialah:

- 2.1 Memastikan kebajikan ternakan ruminan dalam proses pengangkutan atau pemindahan terpelihara.
- 2.2 Memastikan kriteria pengangkut haiwan bagi ternakan ruminan mempunyai kemudahan asas yang bersesuaian.
- 2.3 Meminimakan tekanan, kecederaan, kesakitan, ketidakselesaian dan kematian ternakan ruminan sepanjang proses pemindahan.

### 3.0 SKOP

KAKH Aktiviti Pengangkutan Ternakan Ruminan ini menjelaskan panduan amalan baik dan keperluan minima yang perlu dipatuhi dari segi kemudahan asas dan pengurusan pengangkut haiwan untuk tujuan pemindahan ternakan ruminan oleh pemunya atau pengendali.

## 4.0 DEFINISI

- 4.1 **Kompetensi**  
Kebolehan, pengetahuan dan kemahiran untuk melakukan sesuatu kerja dengan cekap dan berkesan.
- 4.2 **Masa Perjalanan**  
Masa daripada ternakan ruminan pertama dimuat ke dalam pengangkut haiwan sehingga ternakan ruminan terakhir diturunkan daripada pengangkut haiwan di premis destinasi.
- 4.3 **Pemunya**  
Mana-mana orang yang memiliki ternakan ruminan atau mana-mana orang yang bertanggungjawab ke atas ternakan ruminan termasuk penjual dan pembeli.
- 4.4 **Pemindahan**  
Perbuatan atau hal memindahkan ternakan ruminan dari pintu masuk negara ke premis atau dari premis ke premis lain menggunakan pengangkut haiwan.
- 4.5 **Pengangkut Haiwan**  
Apa-apa pengangkut haiwan yang berdaftar dengan Lembaga Kebajikan Haiwan yang diklasifikasikan sebagai Lori Pembawa 'A' atau Lori Pembawa 'C' (merujuk kepada pelesenan kenderaan di bawah pihak berkuasa yang berkenaan) yang digunakan untuk memindahkan ternakan ruminan.
- 4.6 **Pengendali**  
Orang yang diupah atau diarah oleh pemunya untuk pemindahan ternakan ruminan.
- 4.7 **Pengendalian**  
Perbuatan atau hal menguruskan proses pemindahan ternakan ruminan termasuk memuat, mengangkut dan menurunkan ternakan.
- 4.8 **Premis**  
Ladang ternakan ruminan, rumah sembelih, pusat kuarantin, atau bangunan di mana ternakan ruminan ditempatkan sementara atau tetap serta dijalankan aktiviti berkaitan ternakan ruminan.

- 4.9 Ternakan Ruminan  
Haiwan berkaki empat dan mempunyai empat ruang perut seperti lembu, kerbau, kambing, biri-biri dan lain-lain.

## 5.0 KATA SINGKATAN

- 5.1 AKP - Akuan Kebenaran Pindah  
5.2 APTVM - Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia  
5.3 DVS - Jabatan Perkhidmatan Veterinar  
5.4 JPJ - Jabatan Pengangkutan Jalan  
5.5 KAKH - Kod Amalan Kebajikan Haiwan  
5.6 MAQIS - Malaysian Quarantine and Inspection Services  
5.7 SKV - Sijil Kesihatan Veterinar

## 6.0 TANGGUNGJAWAB PEMUNYA DAN PENGENDALI

- 6.1 Tiada seorang pun boleh mengangkut ternakan ruminan, atau menyebabkan ianya diangkut, dengan cara yang mungkin menyebabkan kecederaan atau penderitaan yang tidak wajar.
- 6.2 Pemunya dan pengendali harus memastikan hanya ternakan ruminan yang sihat dan sesuai sahaja yang akan terlibat untuk pemindahan.
- 6.3 Pemindahan ternakan ruminan yang sakit atau cedera hanya boleh dilakukan dengan perakuan Pihak Berkuasa Veterinar.
- 6.4 Pemindahan ternakan ruminan dalam keadaan tidak sedar (telah dikenakan bius) tidak dibenarkan untuk dipindah.
- 6.5 Posisi kedudukan ternakan dalam kenderaan semasa diangkut perlu di susun secara selang seli mengikut jumlah ternakan supaya tidak padat dan selesa.
- 6.6 Pemunya dan pengendali harus memastikan:

- 6.6.1 Pengangkut haiwan dan fasiliti pemunggahan haruslah direka bentuk, dibina dan diselenggara mengikut spesifikasi JPJ untuk memastikan keselamatan ternakan ruminan serta mengurangkan tekanan, kecederaan, kesakitan, ketidak selesaian dan kematian ternakan ruminan sepanjang proses pemindahan.
- 6.6.2 Pengangkut - pengangkut lain boleh digunakan bagi mengangkut ternakan ruminan dengan mengambil perkara - perkara berikut:
  - a. Jumlah dan saiz ruminan yang dipindahkan kecil
  - b. Jarak destinasi yang dekat
- 6.7 Memastikan terdapat ruang dan ketinggian lantai yang mencukupi
- 6.8 Memastikan ternakan ruminan dikendalikan dan dipindahkan secara berasingan (keperluan sekatan) mengikut spesies ruminan serta kriteria berikut:
  - 6.8.1 Saiz dan umur yang berbeza
  - 6.8.2 Pejantan dan betina
  - 6.8.3 Ternakan ruminan yang bertanduk dan tidak bertanduk,
  - 6.8.4 Ternakan ruminan yang berlawan satu sama lain, dan
  - 6.8.5 Ternakan ruminan yang ditambat dan tidak ditambat
- 6.9 Memastikan dokumentasi pemindahan termasuk SKV dan AKP diperolehi seperti yang dinyatakan di dalam APTVM Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan, Hasil dan Produk Haiwan Dalam Negeri (No. Dokumentasi: APTVM 22(d):1/2011) untuk setiap pemindahan ternakan ruminan.
- 6.10 Log Pemindahan Ternakan Ruminan juga perlu diperolehi semasa mendapatkan SKV dan AKP seperti di Lampiran.
- 6.11 Semua dokumen dan rekod berkaitan pemindahan ternakan perlu disimpan dengan baik oleh pemunya dan pengendali sekurang-kurangnya bagi tempoh 1 tahun.



- 6.12 Pemunya dan pengendali harus menunjukkan semua dokumen dan rekod berkaitan pemindahan ternakan ruminan kepada Pihak Berkuasa Veterinar apabila diperlukan.
- 6.13 Memastikan masa perjalanan sebaiknya adalah minimum (*shortest possible time*). Bagi perjalanan di waktu siang perlindungan sesuai dari cahaya matahari adalah diwajibkan.
- 6.14 Waktu perjalanan perlu dirancang supaya cuaca tidak menjadi gangguan kepada kebajikan ruminan.


## 7.0 KOMPETENSI PEMUNYA DAN PENGENDALI

- 7.1 Pemunya dan pengendali harus mempunyai kecekapan mengikut tanggungjawab yang disenaraikan di perkara 6.0.
- 7.2 Mempunyai kompetensi bagi pengendalian ternakan ruminan dan diiktiraf oleh Lembaga.
- 7.3 Kompetensi pemunya dan pengendali haruslah merangkumi aspek - aspek berikut:
  - 7.3.1 Merancang perjalanan pemindahan dan perkara berkaitannya termasuk ruang lantai yang sesuai untuk jenis ruminan, keperluan makanan dan minuman serta keperluan pengudaraan oleh ternakan.
  - 7.3.2 Bertanggungjawab ke atas semua ternakan ruminan yang dipindahkan termasuk semasa memuat naik, mengangkut dan menurunkannya.
  - 7.3.3 Mengetahui secara asas tingkah laku ternakan ruminan, tanda-tanda klinikal penyakit dan tanda-tanda pengabaian kebajikan haiwan seperti tekanan, tegasan haba, dehidrasi, kecederaan, kesakitan, ketidakselesaan dan kematian.
  - 7.3.4 Menilai keadaan ternakan ruminan yang sihat untuk pemindahan, dan sekiranya ternakan ruminan tersebut diragui status kesihatannya, ia harus dirujuk kepada Pihak Berkuasa Veterinar di Pejabat Perkhidmatan Veterinar yang terdekat.

- 7.3.5 Mematuhi peraturan pihak berkuasa seperti JPJ, Polis Di Raja Malaysia, Kastam, MAQIS dan yang berkaitan bagi keperluan dokumentasi yang sah.
- 7.3.6 Prosedur biosekuriti bagi kawalan penyakit secara umum, seperti pembersihan dan disinfeksi.
- 7.3.7 Tempat kurungan sementara (*holding yard*) untuk haiwan berehat perlulah bersesuaian untuk pengendalian ternakan ruminan semasa pemindahan termasuk pengumpulan ternakan, memuat naik dan menurunkan ternakan ruminan.
- 7.3.8 Mengetahui secara asas kaedah memeriksa ternakan ruminan, mengurus situasi yang mungkin dihadapi semasa perjalanan pemindahan ternakan ruminan seperti kecemasan, kemalangan dan lain-lain.
- 7.3.9 Mengemaskini rekod perjalanan dan rekod-rekod lain yang berkaitan.
- 7.3.10 Mematuhi had laju kenderaan di sepanjang perjalanan sehingga ternakan yang diangkut diturunkan dengan selamat.

## **8.0 PENGENDALIAN DAN PROSEDUR SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS PEMINDAHAN TERNAKAN RUMINAN**

- 8.1 Kemudahan tanjakan (*ramp*) untuk pemindahan ternakan ruminan.
  - 8.1.1 Tanjakan (*ramp*) perlu disediakan oleh pemunya atau pengendali. Tempat yang tinggi perlu digunakan bagi mengelakkan kecederaan pada ternakan semasa dimuat atau diturunkan.
  - 8.1.2 Sudut tanjakan (*ramp angles*) bagi memindahkan ternakan ruminan adalah 20° - 25°. Contoh laluan tanjakan adalah seperti gambar rajah di bawah.



Gambar rajah menunjukkan contoh laluan tanjakan yang disyorkan.  
(Sumber: Economic Development, Jobs, Transport and Resources,  
Victoria State Government)

- 8.1.3 Lebar tanjakan yang disarankan ialah 76 cm.
- 8.1.4 Permukaan lantai untuk laluan ke Pengangkut haiwan haruslah tidak licin.
- 8.1.5 Bucu tanjakan yang tajam perlu diletakkan pelapik seperti getah bagi mengurangkan risiko kecederaan.
- 8.1.6 Tinggi lantai tanjakan haruslah sama atau hampir sama aras dengan ketinggian lantai Pengangkut haiwan dan tidak mempunyai celahan (gap) yang boleh mencederakan kaki ternakan ruminan.
- 8.1.7 Dalam keadaan kecemasan apabila tiada kemudahan tanjakan, lain-lain alternatif yang sesuai boleh digunakan sebagai pengganti tanjakan tanpa mendatangkan kecederaan dan kesakitan kepada ternakan ruminan.
- 8.2 Pengendalian dan prosedur sebelum pemindahan ternakan ruminan
  - 8.2.1 Ternakan ruminan adalah sihat dan sesuai untuk dipindahkan.
  - 8.2.2 Ternakan ruminan yang tidak dibenarkan untuk pemindahan adalah seperti berikut:
    - a. Ternakan ruminan yang bunting berat (tempoh bunting > 8 bulan bagi lembu / kerbau dan > 4 bulan bagi kambing / bebiri)

- b. Anak yang baru dilahirkan (umur < 7 hari), dan
  - c. Induk yang baru melahirkan dalam tempoh 7 hari
- 8.2.3 Walaubagaimanapun, pemindahan ternakan ruminan di perkara 8.2.2 dikecualikan sekiranya pemindahan bertujuan untuk meningkatkan keadaan kesihatan ternakan dan perjalanan sedemikian tidak boleh menyebabkan kesakitan atau penderitaan.
- 8.2.4 Pengangkut haiwan mestilah bersih dan telah disembur dengan disinfektan setiap kali sebelum dan selepas pemindahan.
- 8.2.5 Pengangkut haiwan mempunyai ruang yang mencukupi bagi mengelakkan pengabaian kebajikan haiwan yang diangkut mengikut spesifikasi di **Lampiran 2**.
- 8.2.6 Keadaan pengangkut haiwan tidak rosak dan tidak mempunyai risiko mendatangkan kecederaan semasa pemindahan ternakan ruminan
- 8.2.7 Permukaan lantai pengangkut haiwan tidak licin. Digalakkan untuk meletak alas seperti pasir, jerami, habuk kayu dan lain-lain yang bersesuaian.
- 8.2.8 Sentuhan fizikal dan kesesakan (*over crowded*) harus diminimumkan semasa pengendalian ternakan ruminan.
- 8.2.9 Kaki ternakan ruminan tidak boleh diikat untuk pengekangan sepanjang perjalanan dan tidak dibenarkan dimasukkan dalam kurungan yang tidak sesuai seperti guni, tong dan lain-lain yang boleh mengancam kebajikan haiwan.
- 8.2.10 Tali tambatan haruslah tidak terlalu pendek yang boleh menyebabkan ketidakstabilan ternakan semasa berdiri dan tidak terlalu panjang sehingga boleh menyebabkan ianya tersimpul dengan kaki ternakan tersebut atau ternakan yang lain.
- 8.3 Pengendalian dan prosedur semasa pemindahan ternakan ruminan
- 8.3.1 Disarankan perjalanan dibuat pada awal pagi, lewat petang atau malam.

- 8.3.2 Pengendali digalakkan untuk memeriksa keadaan ternakan setiap 2 jam semasa perjalanan dibuat dan merekodkan sebarang penemuan ke dalam Log Pemindahan Ternakan Ruminan.
- 8.3.3 Pengendali harus menyediakan pelan kontigensi bagi sebarang kes kecemasan untuk menghubungi pihak berkuasa veterinar untuk kaedah penyelesaian segera.
- 8.4 Pengendalian dan prosedur semasa menurunkan ternakan ruminan
  - 8.4.1 Pengendali harus memastikan tempat untuk menurunkan ternakan ruminan juga mempunyai kemudahan tanjakan untuk menurunkan ternakan seperti di perkara atau plat foam sesuai dengan modifikasikan kawasan tanah tinggi, meletakkan rumput atau pasir.
  - 8.4.2 Ternakan ruminan harus diturunkan sebaik sahaja ia sampai di premis yang dituju.
- 8.5 Prosedur selepas pemindahan ternakan ruminan
  - 8.5.1 Semua dokumen termasuk SKV, AKP dan Log Pemindahan Ternakan Ruminan harus diserahkan kepada premis yang menerima ternakan
  - 8.5.2 Salinan dokumen lengkap Log Pemindahan Ternakan perlu juga disimpan oleh pengendali
  - 8.5.3 Pengangkut haiwan perlu dibersihkan dan disucihama selepas semua ternakan telah selesai dikeluarkan

## 9.0 KRITERIA PENGANGKUT HAIWAN BAGI TUJUAN PEMINDAHAN

- 9.1 Hanya pengangkut haiwan yang sesuai untuk tujuan pemindahan ternakan sahaja dibenarkan. Ternakan ruminan sama sekali tidak dibenarkan diletakkan di dalam tempat duduk penumpang dan but kenderaan.
- 9.2 Pengangkut haiwan haruslah boleh melindungi ternakan ruminan daripada cuaca buruk.

- 9.3 Pengangkut haiwan haruslah diperbuat daripada bahan yang mudah dibersihkan.
- 9.4 Dinding bahagian dalaman, lantai dan pintu pengangkut haiwan haruslah tidak mempunyai bucu yang tajam bagi mengurangkan tekanan yang boleh menyebabkan kesakitan dan kecederaan kepada ternakan ruminan.
- 9.5 Lantai pengangkut haiwan haruslah dibuat daripada bahan yang tidak licin yang boleh mendatangkan kecederaan kepada kaki ternakan ruminan. Pengendali digalakkan untuk meletak alas seperti pasir, jerami, habuk kayu dan lain-lain yang bersesuaian.
- 9.6 Dinding pengangkut haiwan tidak boleh menyebabkan sebarang bahagian ternakan ruminan terkeluar sepanjang pemindahan.
- 9.7 Mempunyai keperluan luas lantai bagi memuatkan ternakan ruminan mengikut spesifikasi di **Lampiran 2**
- 9.8 Mempunyai pengaliran udara yang baik.
- 9.9 Sekiranya pemisah (partition) diperlukan pada pengangkut haiwan, maka ianya haruslah sesuai dan mudah dikendalikan.
- 9.10 Saliran yang sempurna bagi pengurusan air kencing dan tinja haruslah disediakan.
- 9.11 Pengangkut haiwan mestilah mempunyai peti kecemasan seperti dalam **Lampiran 3**

## **10.0 PENGURUSAN TERNAKAN RUMINAN YANG SAKIT, CEDERA ATAU MATI SEMASA PEMINDAHAN**

- 10.1 Pemunya dan pengendali haruslah membawa ternakan ruminan yang didapati sakit, cedera atau mati semasa pemindahan ke Pejabat Perkhidmatan Veterinar yang berdekatan untuk tindakan lanjut.
- 10.2 Dalam keadaan kecemasan atau kecederaan ternakan yang boleh mengakibatkan kematian, pemunya atau pengendali dibenarkan menyembelih ternakan di rumah sembelih yang diluluskan/dilesenkan oleh DVS.

## 11.0 RUJUKAN

- 11.1 APTVM Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan, Hasil dan Produk Haiwan Dalam Negeri (No. Dokumentasi: APTVM 22(d):1/2011).
- 11.2 Design of loading facilities and holding pens, T. Grandin, Animal Science Department, Colorado State University  
<http://www.grandin.com/references/design.loading.facilities.holding.pens.html>
- 11.3 <http://agriculture.vic.gov.au/agriculture/livestock/beef/handling-and-management/cattle-loading-ramps>
- 11.4 [http://oldrpawe.oie.int/fileadmin/doc/eng/Transport\\_by\\_land/Transporters\\_of\\_cattle\\_-\\_DEFRA.pdf](http://oldrpawe.oie.int/fileadmin/doc/eng/Transport_by_land/Transporters_of_cattle_-_DEFRA.pdf)
- 11.5 [http://oldrpawe.oie.int/fileadmin/doc/eng/Transport\\_by\\_land/Transporters\\_of\\_goats\\_-\\_DEFRA.pdf](http://oldrpawe.oie.int/fileadmin/doc/eng/Transport_by_land/Transporters_of_goats_-_DEFRA.pdf)
- 11.6 [http://oldrpawe.oie.int/fileadmin/doc/eng/Transport\\_by\\_land/Transporters\\_of\\_sheep\\_-\\_DEFRA.pdf](http://oldrpawe.oie.int/fileadmin/doc/eng/Transport_by_land/Transporters_of_sheep_-_DEFRA.pdf)
- 11.7 [http://www.ais.sa.edu.au/\\_\\_files/f/46933/SOP%2019%20Cattle.pdf](http://www.ais.sa.edu.au/__files/f/46933/SOP%2019%20Cattle.pdf) AEC STANDARD OPERATING PROCEDURES.
- 11.8 <https://www.spad.gov.my/sites/default/files/dasarpelesenanrev13.pdf> PANDUAN DASAR PELESENAN SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT (S.P.A.D).
- 11.9 Standard Operating Procedure Penerimaan Ternakan Lembu/Kambing/Bebiri Di Lapangan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
- 11.10 The Merck Veterinary Manual, Eight Edition, 1998
- 11.11 Welfare of Animals During Transport Advice for transport of cattle dan Welfare of Animals During Transport Advice for transport of goats oleh Department for Environment, Food and Rural Affairs (Defra)

**Lampiran 1****LOG PEMINDAHAN TERNAKAN RUMINAN**

| LOG PEMINDAHAN TERNAKAN RUMINAN   |                                                                      |                                |  |
|-----------------------------------|----------------------------------------------------------------------|--------------------------------|--|
| Tarikh perjalanan                 |                                                                      |                                |  |
| Masa ternakan pertama masuk:      |                                                                      | Masa ternakan terakhir keluar: |  |
| Masa mula bertolak:               |                                                                      | Masa sampai :                  |  |
| Alamat Premis penerima            |                                                                      |                                |  |
|                                   |                                                                      |                                |  |
| Jenis ternakan                    | Lembu / Kerbau / Kambing / Bebiri (Sila potong yang tidak berkenaan) |                                |  |
| Bilangan ternakan                 |                                                                      |                                |  |
| Kumpulan ternakan                 | Anak / Dewasa (Sila potong yang tidak berkenaan)                     |                                |  |
| Jantina                           | Jantan / Betina (Sila potong yang tidak berkenaan)                   |                                |  |
|                                   |                                                                      |                                |  |
| Nama pengendali                   |                                                                      |                                |  |
| No. Pendaftaran Pengangkut haiwan |                                                                      |                                |  |
| Pemeriksaan ternakan              | Masa:<br>Pemerhatian:                                                |                                |  |
| Pemeriksaan ternakan              | Masa:<br>Pemerhatian:                                                |                                |  |
| Pemeriksaan ternakan              | Masa:<br>Pemerhatian:                                                |                                |  |
| Pemeriksaan ternakan              | Masa:<br>Pemerhatian:                                                |                                |  |
|                                   |                                                                      |                                |  |
| Tandatangan Pengendali            |                                                                      | Tandatangan penerima           |  |
| .....                             |                                                                      | .....                          |  |
| Nama:                             |                                                                      | Nama:                          |  |
| No. Kad Pengenalan:               |                                                                      | No. Kad Pengenalan:            |  |
| Tarikh :                          |                                                                      | Tarikh :                       |  |



**Lampiran 2****SPESIFIKASI KEPERLUAN LUAS LANTAI BAGI  
MEMUATKAN TERNAKAN RUMINAN**

| JENIS RUMINAN    | ANGGARAN BERAT (KG) | LUAS LANTAI (m <sup>2</sup> / EKOR) |
|------------------|---------------------|-------------------------------------|
| Lembu / Kerbau   | 50                  | 0.30 – 0.40                         |
|                  | 110                 | 0.40 – 0.70                         |
|                  | 200                 | 0.70 – 0.95                         |
|                  | 325                 | 0.95 – 1.30                         |
|                  | 550                 | 1.30 – 1.60                         |
|                  | > 700               | > 1.60                              |
| Kambing / Bebiri | < 35                | 0.20 – 0.30                         |
|                  | 35 – 55             | 0.30 – 0.40                         |
|                  | > 55                | 0.40 – 0.75                         |

## ***Lampiran 3***

### **PERTOLONGAN CEMAS UNTUK HAIWAN**

Garis panduan bagi melengkapkan sebuah kotak pertolongan cemas:

1. Gunting
2. Pita
3. Gel Pelincir
4. Gunting kuku
5. Selimut kecemasan
6. Sarung tangan pemeriksaan
7. *Non adhesive dressing*
8. Antiseptik
9. Kapas
10. Forcep
11. Normal saline
12. Termometer
13. Swab gauze
14. *Penlight*
15. Sanitizer
16. *Bandage*

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua individu dan pihak yang terlibat dalam menyediakan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini samada secara langsung atau tidak langsung, terutamanya kepada Lembaga Kebajikan Haiwan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (KV), Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (P), Pengarah-Pengarah Bahagian DVS, Pengarah-Pengarah DVS Negeri, Agensi-agensi kerajaan, pihak industri, pihak NGO dan Ahli Jawatankuasa Kerja Penyediaan Kod Amalan Kebajikan Haiwan.

## NOTA



[www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)